



**MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**  
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah



**KENYATAAN TENDER  
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan Perkhidmatan berikut:

| NO. TENDER | TAJUK TENDER                                                                                                                                    | KOD BIDANG | TARIKH PENJUALAN DOKUMEN           | HARGA SENASKAH DOKUMEN | TARIKH TUTUP TENDER                                        |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|------------------------------------|------------------------|------------------------------------------------------------|
| 0046/2025  | CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN MAKANAN HALAL / MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) TUN MUSTAPHA, SABAH SESI 2026 / 2027 | 040103     | 29/07/2025<br>Hingga<br>12/08/2025 | RM25.00                | 25/08/2025<br>(ISNIN)<br>(Sebelum<br>12.00 tengah<br>hari) |

2. Tawaran ini dilaksanakan melalui dalam talian (online). Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, hanya Pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan **SPEED** dan diluluskan untuk menyertai **Pasaran MARA** serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan **DIBENARKAN** untuk membuat pembelian no. pin dengan nilai seperti yang tercatat di atas. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan **SPEED** di talian 03-78854111/79855287 atau emel kepada [helpdesk@speed2u.my](mailto:helpdesk@speed2u.my).
3. Pembelian no. pin tender boleh dibuat melalui <https://bayar.maraeps.my> kepada pembida yang telah diluluskan dalam Pasaran MARA. Tempoh akhir pembelian no. pin atas talian ialah pada 12/08/2025 jam 12.00 tengah hari. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan penajaan no. pin boleh menghubungi Kaunter Tender di talian 03-26134482/34479/34480.
4. Pembekal juga boleh mendapatkan no. pin di Kaunter Tender (Tingkat 2) Ibu Pejabat MARA atau Pejabat MARA Negeri dengan membuat pembayaran melalui **Debit Card** dengan mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh untuk semakan:
- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
  - ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** dan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.

5. **MARA** tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan pembekal sekiranya no.pin tidak dapat dijana disebabkan kegagalan pembekal berdaftar dengan **SPEED** serta diluluskan menyertai **Pasaran MARA** atau lain-lain maklumat yang tidak dikemaskini oleh pembekal. **MARA** tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. Tender akan diproses oleh pihak **MARA** pada hari bekerja dan pembekal akan menerima emel makluman apabila no. pin telah dijana.
6. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen tender melalui laman web [www.speed2u.my](http://www.speed2u.my) mulai **29/07/2025 hingga 12/08/2025**. Sebarang pengesahan pelawaan kali pertama selepas **13/08/2025** tidak akan dilayan.
7. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **0.4% atau 0.7%** bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invois mengikut terma dan syarat pembekalan. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
8. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

9. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen tender (hard copy) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN**  
**TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,**  
**21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

10. Pembekal juga dikehendaki memuat naik dokumen (*soft copy*) tender yang lengkap secara dalam talian (*online*). Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
11. Sebarang urusan tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.